

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIOANAL

Semakan yuran rundingan GP dibentang di Kabinet

Tiada semakan, kenaikan caj sejak lebih 30 tahun lalu

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai semakan yuran rundingan pengamal perubatan am swasta (GP) ke Mesyuarat Kabinet.

"MJM berkenaan semakan yuran konsultasi akan dibentang ke Mesyuarat Kabinet," kata pejabat Menteri Kesihatan kepada BH.

GP memperjuangkan kenaikan yuran rundingan susulan tiada semakan dibuat sejak lebih 30 tahun lalu.

GP memperjuangkan kenaikan yuran rundingan susulan tiada semakan dibuat sejak lebih 30 tahun lalu.

Kenaikan pelbagai kos

Pada 2019, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

KKM sedang menyemak semula yuran konsultasi bagi GP yang tidak berubah lebih tiga dekad

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan



dilaporkan berkata, cadangan semakan yuran perundingan dibawa ke Kabinet pada 24 April 2019 untuk persetujuan, berikutan pihaknya mengambil maklum kesukaran GP yang berdepan masalah kenaikan kos dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Namun ketika itu, Jemaah Menteri meminta supaya cadangan semakan yuran itu dibincangkan terlebih dahulu dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan diambil.

Semakan kadar caj doktor swasta dimuktamadkan sebulan lagi



Keratan akhbar BH 4 Mei lalu.

Pada 4 Mac lalu, Dr Dzulkefly menyatakan KKM sedang menyemak semula yuran konsultasi bagi GP yang tidak berubah lebih tiga dekad.

Pada 8 April lalu, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya sedang menunggu keputusan daripada Kementerian Kewangan berhubung cadangan semakan yuran konsultasi GP.

Terbaharu, minggu lalu KKM memberi jaminan semakan kadar yuran perundingan GP akan dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.